

## **Teks Ucapan**

**Y.Bhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Ampon, Naib  
Canselor, UMS**

**MOU: UMS- Kolej Komuniti**

**15 Mac 2010**

### *Salutations*

Bismillahir rahmannir rahim

Assaalamualaikum wbt dan salam sejahtera

Terima kasih pengacara majlis

Setinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT, di atas kelangsungan majlis bersejarah pada malam yang mulia ini. Dimana kita akan dapat sama-sama menyaksikan majlis menandatangani MoU di antara UMS dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pasti sejarah yang dicetuskan ini akan tambah indah dan berseri dengan kehadiran YB Dato' Seri Mohamad Khalid Bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Terima kasih YB Dato' Seri di atas kesudian meluangkan masa bersama kami di majlis ini.

MoU yang akan ditandatangani pada hari ini adalah satu lagi usaha UMS menerusi Institut Penyelidikan Marin Borneo menawarkan latihan keilmuan dalam bidang akuakultur bersama dengan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.

Saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas inisiatif YB Dato' Seri yang telah menyatukan kedua-dua institusi ini untuk memperkembangkan lagi sumbangan keilmuan dalam industri berkaitan akuakultur ini. Usaha ini, InsyaAllah akan membolehkan UMS untuk menyumbang bakti kepada komuniti sekeliling khususnya dalam program keusahawanan dan kebajikan masyarakat.

Hakikatnya, akuakultur adalah bidang yang menyokong pembangunan perusahaan kecil, sederhana dan bersaiz besar. Bagi mencapai kejayaan dan keuntungan dalam sesuatu perusahaan, ia hendaklah dilaksanakan secara mapan atau lestari, berdasarkan ilmu dan teknologi yang sesuai. Ini tentunya memerlukan ilmu pengetahuan yang khusus serta pendekatan sains dan teknologi sepertimana yang akan ditawarkan dalam modul-modul latihan akuakultur oleh UMS.

Struktur modul-modul yang kita sediakan adalah sangat berkaitan, di mana para pelatih akan menjalani latihan secara "hands-on" dan akhirnya akan melalui tahap pemahaman mereka secara amali dan praktikal dalam bidang akuakultur.

Semoga MoU ini akan menjadi permulaan baik kepada pelaksanaan segera program latihan tersebut. Adalah diharapkan agar MoU ini juga dapat membuka ruang dan peluang melalui perbagai bentuk kerjasama di masa akan datang yang tidak hanya terhad kepada usaha menghasilkan sumber tenaga manusia yang terlatih semata-mata.

YB Dato Seri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada kesempatan ini, saya suka memaklumkan bahawa UMS sentiasa bertekad untuk mengembangkan bidang akuakultur, sebagai salah satu niche area Universiti yang berpotensi tinggi. Sejak mula penubuhannya, Institut Penyelidikan Marin Borneo adalah antara barisan hadapan yang mengungguli penyelidikan dan khidmat masyarakat di UMS. Semoga keunggulan itu tidak terhenti dengan beberapa kejayaan sahaja. Kejayaan demi kejayaan, khususnya dalam menghasilkan inovasi yang kompetitif hendaklah diteruskan dan tidak hanya terbatas di atas kertas sahaja,

Pada masa ini, UMS mempunyai sebuah hatceri ikan dan dalam masa terdekat ini juga bakal mengadakan majlis pecah tanah untuk sebuah lagi hatceri, iaitu hatceri udang UMS. Dengan adanya hatceri udang tersebut, program akuakultur yang ditawarkan akan terus maju jaya, dengan pertambahan latihan dalam bidang ternakan udang pula.

Tuan-tuan dan puan-puan:

Untuk cemerlang dalam apa jua program pembangunan sumber manusia, kita perlu membina dan meningkatkan kepakaran yang kita ada. Sejak penubuhannya, UMS telah membina kapasiti untuk menghasilkan satu model program akuakultur yang cemerlang dalam bidang R & D, dan menyalurkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Saya merasa gembira kerana Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menghargai dan menyokong segala usaha yang telah kita buat ke arah itu. Pemodenan dan penyaluran hasil pengetahuan moden kepada masyarakat amatlah penting untuk masa depan sesebuah pusat kecemerlangan seperti Insitut Penyelidikan Marin Borneo yang berlandaskan pembangunan lestari sumber marin melalui pemuliharaan, pengurusan perikanan dan pembangunan akuakultur yang menjurus kepada keselamatan makanan laut dan adaptasi terhadap perubahan iklim.

Program penyelidikan dan latihan serta infrastruktur yang dibangunkan oleh Insitut Penyelidikan Marin Borneo menjadi asas yang kukuh untuk mencapai visi sebuah pusat kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kita tahu bahawa ukuran sebenar kepada kecemerlangan yang dicapai adalah melalui impak yang kita hasilkan. Sesungguhnya, kemudahan infrastruktur yang canggih sahaja tidak mencukupi sekiranya kita tidak berupaya untuk membuahkan hasil yang mampu dimanfaatkan oleh masyarakat.

Saya pasti Insitut Penyelidikan Marin Borneo akan terus menjalankan peranannya dalam memberi latihan kepada komuniti, membantu usahawan kecil & sederhana (SME) yang berminat dalam penternakan ikan, perpindahan teknologi dan inovasi yang melangkaui persekitaran kampus, dan berkerjasama dengan komuniti setempat hingga ke peringkat kebangsaan.

Kita memberi inspirasi kepada pelajar dan pelatih, dan mereka ini seterusnya akan menjadi inspirasi kepada yang lain. Beginilah cara bagaimana ilmu pengetahuan dapat disampaikan dan dimanfaatkan di kalangan masyarakat dalam bentuk rantaian. Oleh yang demikian, peranan universiti seharusnya dinilai melalui percikan ilmu pengetahuan yang berjaya dinyalakan.

Saya sangat gembira dengan pelaksanaan MoU dengan Kolej Komuniti ini. Ia merupakan satu pengembangan kepada progam komuniti UMS yang melibatkan Insitut Penyelidikan Marin Borneo. Pada pendapat saya, hubungan komuniti boleh membawa idea-idea baru dan segar ke dalam sistem universiti, yang seterusnya memperkaya proses pengajaran dan pembelajaran serta menjadikan penyelidikan lebih bermakna. Kita tahu dan sedar bahawa tanpa memikirkan keperihatinan terhadap kebajikan masyarakat, apa jua penemuan dan inovasi akan menjadi tidak bermakna.

Saya memberi jaminan kepada YB Dato' Seri dan hadirin sekalian bahawa saya tidak akan teragak-agak untuk meningkatkan komitmen UMS untuk berkhidmat kepada masyarakat. Pada hari ini, kita menawarkan latihan berkaitan penternakan ikan, tetapi dalam masa yang terdekat ini kita akan menghasilkan pakej baru iaitu latihan pengkulturan udang dan pemuliharaan khazanah marin. Kita akan turun padang bersama-sama masyarakat dan menggunakan pengetahuan yang ada untuk pembangunan sosio-ekonomi selari dengan program-program NKRA dan KRA oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Semoga apa yang telah dikata, mampu dikota. Semuanya adalah dengan usaha sepakat dan kerjasama yang jitu melibatkan semua pihak jua. Hendaknya harapan ini dapat kita jayakan bersama.

Sekian, terima kasih.